JOURNAL OF LEGAL STUDIES
https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jls

How to cite this article:
Anis Shuhaiza Md Salleh, Aima Nabila Muhammad Azhar, Nor Azlina Mohd Noor, Yusramizza Md Isa @ Yusuff & Siti Azura Bahadin. (2024). Mengekang impak negatif *sharenting*: Satu kajian tentang keterlibatan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan ketika pandemik Covid-19. *UUM Journal of Legal Studies*, *15*(1), 303-327. https://doi.org/10.32890/uumjls2024.15.1.13

MENGEKANG IMPAK NEGATIF *SHARENTING*: SATU KAJIAN TENTANG KETERLIBATAN AGENSI KERAJAAN DAN BADAN BUKAN KERAJAAN KETIKA PANDEMIK COVID-19

(Curbing the Negative Impact of Sharenting: A Study on the Involvement of Government Agencies and Non-Governmental Organizations During the Covid-19 Pandemic)

[1]Anis Shuhaiza Md Salleh, [2]Aima Nabila Muhammad Azhar, [3]Nor Azlina Mohd Noor, [4]Yusramizza Md Isa @ Yusuff & [5]Siti Azura Bahadin
[1,3&4]School of Law, College of Law, Government & International Studies
Universiti Utara Malaysia, Malaysia
[2]Office of the Chief Registrar, Federal Court of Malaysia
[5]School of Applied Psychology, Social Work & Policy,
College of Arts & Sciences, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

[1]Corresponding author: shuhaiza@uum.edu.my

Received: 27/3/2022 Revised: 10/6/2023 Accepted: 18/6/2023 Published: 24/1/2024

ABSTRAK

Perkataan *sharenting* pada asasnya ialah gabungan daripada dua perkataan bahasa Inggeris iaitu *sharing* dan *parenting*. Istilah

sharenting merujuk kepada fenomena perkongsian foto dan video anak-anak serta maklumat pengenalan diri yang lain oleh ibu bapa pada akaun media sosial mereka sendiri. Penggunaan lazim media sosial sebagai platform untuk perkongsian yang kebiasaannya mempunyai perlindungan privasi yang sangat minimum, telah mewujudkan kebimbangan dalam masyarakat. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan kerana penularan wabak COVID-19, penggunaan media sosial sebagai medium penyebaran maklumat dan perkongsian bukanlah sesuatu yang asing. Ia menjadi sebahagian daripada norma baharu kehidupan apabila pertemuan bersemuka menjadi sukar atau mustahil disebabkan oleh beberapa faktor. Ditambah pula dengan kewujudan pelbagai aplikasi yang kebanyakannya dapat diakses secara percuma melalui capaian Internet dan telefon pintar mudah alih. Percambahan perkongsian tentang kehidupan seharian termasuk aktiviti *sharenting* berlaku secara berleluasa tanpa sekatan. Di sebalik kesan positif daripada perkongsian ini, wujud implikasi negatif kepada fizikal, mental dan spiritual kanak-kanak. Bertunjangkan kepada mengawal impak negatif *sharenting* terhadap kanak-kanak, artikel ini memfokuskan peruntukan undang-undang sedia ada yang melindungi kanak-kanak di Malaysia selain mengenal pasti peranan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia dalam menangani isu *sharenting*. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif bagi menghuraikan peranan agensi kerajaan dan NGO dalam membendung kesan buruk daripada perbuatan *sharenting*. Analisis data dibuat melalui kaedah penelitian terhadap beberapa dokumen statut utama seperti Akta Kanak-Kanak 2001; Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017; dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 di samping hasil temu bual yang dijalankan dengan beberapa orang responden untuk menghalusi isu ini dengan lebih mendalam dan praktikal. Artikel ini menyimpulkan bahawa mekanisme kawalan perlulah mengimbangi hak ibu bapa terhadap anak-anak tanpa meminggirkan hak anak-anak. Dalam keadaan konflik antara hak-hak tersebut, kebajikan anak-anak perlulah diberikan keutamaan. Oleh itu, kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan dan NGO amat diperlukan kerana peranan yang dimainkan oleh setiap pihak adalah berbeza-beza demi mengurangkan impak negatif daripada perbuatan *sharenting*.

Kata kunci: *Sharenting*, undang-undang, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), hak kanak-kanak.

ABSTRACT

Sharenting is a combination of sharing and parenting. The term 'sharenting' refers to the growing phenomenon of parents sharing photos and videos of their children, as well as other identifying information, on their own social media accounts. It is the habitual use of these platforms, which often have minimal privacy protection, causing concern in the community. Throughout the implementation of Movement Control Order (MCO) due to the spread of COVID-19, the use of social media as a medium of dissemination of information and sharing is not uncommon. It became part of the new norm of life when face-to-face encounters become difficult or impossible due to several factors, coupled with the existence of a variety of apps that are mostly accessible for free with the availability of Internet access and smartphones, the proliferation of sharing about everyday life including sharenting activities taking place without restrictions. Despite the positive effects of sharing, there are negative physical, mental and spiritual implications for children. Focusing on controlling the negative impacts of sharenting on children, this study focuses on the provisions of existing laws that protect children in Malaysia and identify the role of government agencies and NGOs in Malaysia in addressing this sharenting issue. Using qualitative research methods, this study describes the role of government and NGOs in curbing the adverse effects of these sharenting acts. Data were analysed using the content analysis method to several statutes such as the Child Act 2001, Sexual Offences against Children Act 2017 and Communications and Multimedia Act 1998 and findings from interviews with several respondents to further refine this issue. This article concludes that control mechanisms must be balanced between parental rights towards children without marginalizing children's rights. In the event of a conflict between these rights, the welfare of children should be given priority. Therefore, the cooperation of various parties including government agencies and NGOs, is needed to mitigate the negative impact of the sharenting act by acknowledging the different roles played by each party.

***Keywords**: sharenting, laws, government agencies, NGOs, children's rights.*

PENGENALAN

Tahun 2020 telah disinonimkan dengan era penularan pandemik global, wabak COVID-19 yang mengejutkan seluruh dunia. Penularan

wabak tersebut telah menyebabkan perintah sekatan keluar dan masuk yang ketat atau dikenali sebagai *total lockdown* di setiap negara terpaksa dilaksanakan. Rentetan daripada penguatkuasaan larangan itu turut menyumbang kepada peningkatan aktiviti dalam talian termasuk bagi urusan pekerjaan, pendidikan, hiburan dan interaksi sosial. Media sosial dijadikan medium utama bagi tujuan bersosial; bertukar-tukar maklumat; menzahirkan emosi; dan mengekspresikan diri (Shahbudin, 2020). Media melaporkan bahawa pada penghujung tahun 2020, jumlah pengguna aktif media sosial di seluruh dunia telah mencecah sehingga empat bilion orang (New Straits Times, 2020). Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 12.3 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya. Selain itu, hasil kajian yang dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menunjukkan bahawa aktiviti sosial dalam talian telah meningkat sebanyak 8.9 peratus pada tahun 2020 berbanding dengan tahun 2018. Data ini juga selari dengan kenyataan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bahawa penggunaan teknologi digital semakin meningkat pada zaman pandemik COVID-19. Dalam hal ini, ibu bapa juga tidak ketinggalan sebagai pengguna media sosial. Mustaffa dan Ibrahim (2014) telah menyenaraikan 17 tujuan ibu bapa menggunakan media sosial, iaitu untuk berkomunikasi; kerahsiaan; pentadbiran; sokongan dan hubungan sosial; mengimbau kenangan; mengurangkan tekanan; berkongsi aktiviti harian; berdakwah; akademik; memenuhi ajakan rakan; mengikuti arus kemajuan teknologi; tekanan keluarga; mengenal pasti personaliti; sebagai alternatif daripada realiti kehidupan; sumber maklumat; dan hiburan. Bagaimanapun, aktiviti-aktiviti seumpama ini menjadi penyumbang kepada isu-isu perundangan yang melibatkan *sharenting*. Ringkasnya, penularan wabak COVID-19 telah meninggalkan kesan kepada segenap lapisan masyarakat termasuk institusi keluarga yang terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak (Ahmad et al., 2023).

Istilah *sharenting* merujuk kepada fenomena perkongsian foto dan video anak-anak serta maklumat pengenalan diri yang lain oleh ibu bapa dalam akaun media sosial mereka sendiri yang kini semakin meningkat. Penggunaan lazim media sosial sebagai platform untuk perkongsian ini, yang selalunya mempunyai perlindungan privasi yang sangat minimum, perlu dipandang serius oleh setiap lapisan masyarakat. Istilah *sharenting* ini masih belum didefinisikan atau ditafsirkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, namun seorang penulis

dalam *The Wall Street Journal*, Steven Leckart melalui artikelnya yang bertajuk *The Facebook-Free Baby* bertarikh 12 Mei 2012 menyebut bahawa "*oversharenting*" merupakan perlakuan ibu bapa yang berkongsi terlalu banyak maklumat dan gambar anak-anak mereka secara dalam talian melalui media sosial (Leckart, 2012). Steven Leckart juga dipercayai merupakan individu terawal yang memperkenalkan perkataan *sharenting*, iaitu kombinasi daripada perkataan *oversharing* dan *parenting* (Amir Hamzah & Mohd Hussein, 2020). Latipah et al. (2017) juga memberikan definisi *sharenting* yang seakan-akan sama seperti yang diberikan oleh penulis lain, iaitu satu perkongsian maklumat di media sosial oleh ibu bapa yang dilihat telah menjadi satu tabiat dalam kalangan ibu bapa masa kini.

Menurut konteks perundangan Malaysia, iaitu di bawah Seksyen 2(1) Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak ialah mereka yang berumur di bawah 18 tahun. Pendefinisian oleh akta ini sama dengan definisi 'kanak-kanak' di bawah Perkara 1 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, iaitu tiap-tiap manusia yang berumur di bawah 18 tahun.

Peranan ibu bapa pula dinyatakan sebagai penjaga, pendidik, pengasuh, pemimpin, perawat, penasihat dan kaunselor dari segi fizikal, mental dan rohani kepada anak-anak (Yahaya & Nam, 2010). Pendefinisian ibu bapa di bawah undang-undang kanak-kanak di Malaysia masih belum diperuntukkan lagi memandangkan Akta Kanak-Kanak 2001 sendiri tidak memberikan takrifan yang jelas kepada ibu bapa (Muhammad Said, 2012). Dalam kes *Shamala Sathiyaseelan v Dr Jeyaganesh C Mogarajah & Anor* [2004] 2 MLJ 648 misalnya, mahkamah tinggi juga merujuk kepada kamus *Black's Law* (Edisi Keenam) bagi mendapatkan definisi ibu bapa, iaitu "*the lawful father or mother of a person*".

Namun, terdapat beberapa pendefinisian berkaitan dengan ibu bapa yang boleh dirujuk termasuklah di bawah Seksyen 2 Akta Kanak-Kanak 2001. Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa ibu bapa merupakan anggota keluarga bagi kanak-kanak, manakala anggota rumah pula meliputi seseorang yang tinggal serumah dengan seorang kanak-kanak. Dalam akta yang sama, penjaga pula merujuk kepada seseorang yang berhubung dengan kanak-kanak, manakala dalam Akta Pengangkatan 1952, penjaga merujuk kepada orang yang mempunyai hak jagaan kanak-kanak tersebut selain ibu bapa. Akta tersebut juga memperuntukkan bahawa ibu bapa angkat juga mempunyai hak,

tugas dan tanggungjawab yang sama seperti ibu bapa atau penjaga ke atas anak angkat tersebut. Namun, pelaku atau mereka yang terlibat dalam perbuatan *sharenting* ini jelas tidak hanya terhad kepada ibu bapa sahaja. Adakalanya, ia turut dilakukan oleh datuk; nenek; ibu atau bapa saudara; pelatih atau pendidik; dan individu dewasa lain yang berinteraksi atau terlibat dalam kehidupan seharian seseorang kanak-kanak secara langsung mahupun tidak langsung (Anderson, 2019).

Kewujudan sesetengah kumpulan dalam media sosial contohnya, kumpulan "*Anak Sepahkan Apa Hari Ini*" yang popular dalam kalangan pengguna Facebook dan pada masa yang sama menggalakkan ibu bapa di Malaysia berkongsi secara aktif tentang keletah serta ragam anak masing-masing sepanjang waktu pandemik perlu diberikan perhatian. Perbuatan berkongsi seumpama ini dikenali sebagai *sharenting* (Latipah et al., 2020). Berdasarkan pemerhatian pada bahagian komen bagi perkongsian-perkongsian yang dibuat dalam kumpulan tersebut, dapat disimpulkan bahawa persepsi masyarakat atau ibu bapa terbahagi kepada dua kategori. Kategori pertama terdiri daripada ibu bapa atau mereka yang menyedari tentang bahaya perkongsian gambar, video dan maklumat anak-anak yang dibuat secara berlebihan. Golongan ini berkongsi nasihat supaya perkongsian tentang anak-anak tersebut dipadamkan daripada dalam talian. Kategori kedua pula terdiri daripada ibu bapa atau mereka yang menggalakkan perkongsian sedemikian kerana menganggap bahawa perkongsian berkenaan sebagai hiburan dan kenangan ketika tempoh membesarkan anak-anak.

Dalam era dunia tanpa sempadan kini, isu-isu yang membabitkan kanak-kanak bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang remeh terutamanya apabila membabitkan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak yang turut diakui sebagai satu masalah yang serius oleh Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat (Berita Harian, 2022). Kes-kes penderaan, pembulian dan gangguan seksual di rumah atau di sekolah yang dilakukan terhadap kanak-kanak dilaporkan semakin meningkat. Hal ini dibuktikan melalui laporan akhbar tentang peningkatan statistik kes jenayah melibatkan kanak-kanak. Antara tempoh Januari hingga 30 Jun 2021, sebanyak 1,721 kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak telah direkodkan. Daripada jumlah tersebut, kes rogol mencatatkan jumlah paling tinggi, iaitu sebanyak 651 kes; cabul (344 kes); sumbang mahram (106 kes); luar tabii (106

kes); dan kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) (514 kes) (Kosmo, 2021). Statistik bagi kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak juga telah menunjukkan peningkatan sebanyak 42 peratus pada tahun 2021 berbanding dengan tahun 2020 (Berita Harian, 2022).

Tidak dinafikan bahawa isu-isu tersebut perlu diberikan perhatian oleh semua pihak terutamanya dalam mengkaji faktor yang menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah serta mekanisme yang sesuai untuk membendung masalah berkenaan. Temu bual dengan pihak berkepentingan yang terdiri daripada agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) mendapati salah satu faktor penyumbang adalah daripada aktiviti seharian ibu bapa yang berkongsi atau memuat naik gambar, video dan segala bentuk perkongsian lain terutamanya yang melibatkan profil dan maklumat peribadi anak-anak (Iskandar Sastrawidjaja & Rosly, 2020). Dalam konteks kajian ini, platform media sosial yang dibincangkan merangkumi Facebook, TikTok, Instagram, Twitter, Snapchat dan juga YouTube. Pemilihan platform berkenaan dilakukan memandangkan perkongsian maklumat kanak-kanak berlaku secara besar-besaran menerusi medium tersebut. Menurut Brosh (2016), fenomena perkongsian apa-apa bentuk maklumat berkaitan dengan anak-anak oleh ibu bapa di media sosial ini telah menjadi satu amalan atau norma sosial dalam kalangan masyarakat kini, lebih-lebih lagi sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa (Saekadi et al., 2020). Penerapan budaya bekerja dari rumah atau *work from home* juga mungkin menyebabkan ibu bapa mempunyai lebih masa bagi melayari media sosial masing-masing di samping cuba menyesuaikan diri dengan norma baharu sepanjang musim pandemik (UNICEF, 2021).

Kajian Talukdar (2020) berkaitan dengan impak *vlog* atau *video blog* keluarga terhadap pembesaran dan kesihatan mental anak-anak dalam keluarga telah memfokuskan dua saluran YouTube yang terkenal suatu masa dahulu, iaitu *DaddyOFive* dan *The Slyfox Family*. *Vlog* atau *video blog* merujuk kepada pemikiran, pendapat atau pengalaman yang difilemkan dan disiarkan secara dalam talian menggunakan Internet. Dalam saluran berkenaan, ibu bapa yang juga pemilik akaun *DaddyOFive* memuat naik rakaman aktiviti harian anak-anak mereka secara aktif di samping menyelitkan unsur-unsur gurauan (*prank*) yang dilihat sebagai melampaui batas. Selepas menerima beberapa laporan daripada penonton dan berdasarkan siasatan oleh pihak YouTube, akaun *DaddyOFive* didapati telah menyalahi polisi syarikat

berkenaan kerana menyiarkan kandungan yang mempunyai unsur-unsur penderaan serta membahayakan kanak-kanak. Akibat daripada itu, akaun berkenaan telah disekat oleh pihak YouTube. Rentetan daripada itu juga, pada sekitar tahun 2017, Michael dan Heather Martin yang merupakan pemilik akaun *DaddyOFive* dan ibu bapa kepada lima orang anak telah kehilangan hak jagaan terhadap dua daripada lima orang anak mereka kerana didapati telah mengeksploitasi kanak-kanak bagi tujuan memuat naik kandungan di YouTube sehingga meninggalkan kesan terhadap kesihatan mental kanak-kanak tersebut. Selain itu, pengkaji yang sama juga membincangkan tentang saluran YouTube lain seperti *The Kardashians* dan *The Ace Family*.

METODOLOGI

Kaedah penyelidikan kualitatif diguna pakai bagi menghuraikan dan menjelaskan secara lebih terperinci tentang data yang dikumpul. Kaedah pengumpulan data yang dijalankan termasuklah melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian lapangan dibuat melalui temu bual bersama-sama dengan agensi kerajaan, iaitu pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan pihak NGO yang berkaitan seperti Protect and Save the Children (PSC) dan Vanguards4Change. Kesemua temu bual telah dijalankan secara dalam talian melalui platform Webex Meet bagi mematuhi amalan norma baharu ketika pandemik COVID-19.

Data yang digunakan dalam kajian ini diperolehi daripada sumber primer dan sekunder. Pengumpulan data primer dibuat melalui kaedah temu bual berstruktur bersama-sama dengan responden dan juga kaedah kepustakaan, iaitu dengan merujuk kepada peruntukan undang-undang berkaitan termasuk Akta Kanak-Kanak 2001; Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017; Kanun Keseksaan; dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Seterusnya, data sekunder pula diperoleh melalui penulisan buku, jurnal, laporan, akhbar elektronik, rujukan Internet serta kertas kerja.

DAPATAN

Perbincangan dapatan dalam artikel ini dibahagikan kepada beberapa pecahan utama, iaitu meliputi implikasi *sharenting* terhadap kanak-

kanak; peruntukan undang-undang sedia; peranan agensi kerajaan dan NGO; serta cadangan pengawalannya.

Sharenting dan Implikasi Terhadap Kanak-kanak

Aktiviti *sharenting* juga berlaku di Malaysia kerana terdapat beberapa akaun laman sosial di Facebook yang berkongsi aktiviti dan foto anak-anak oleh ibu bapa seperti kewujudan kumpulan "*Anak Sepahkan Apa Hari Ini?*". Trend mencipta akaun laman sosial bagi anak-anak sejurus mereka lahir terutama dalam kalangan selebriti menjadi ikutan masyarakat awam. Sebagai contoh, akaun Instagram milik Aaisyah Dhia Rana yang merupakan anak perempuan kepada pasangan selebriti, Rozita Che Wan dan Zain Saidin, tidak hanya terhad kepada perkongsian aktiviti seharian anak tersebut tetapi juga termasuk perkongsian yang mempromosikan produk dan iklan berbayar yang mencecah sehingga 1.6 juta orang pengikut.

Perkongsian di media sosial ini merupakan satu bentuk ekspresi (Amir Hamzah & Mohd Husein, 2020) yang juga selari dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah Perkara 10(1)(a) yang menyatakan dengan jelas bahawa setiap rakyat Malaysia mempunyai kebebasan bersuara termasuklah kebebasan dalam perkongsian maklumat. Namun, perkongsian dan ekspresi secara berlebih-lebihan serta tidak terkawal ini dikhuatiri mengundang impak negatif kepada kanak-kanak. Sebagai contoh, peningkatan jumlah kes jenayah pedofilia; gangguan serta ancaman keselamatan fizikal dan ketenteraman emosi kanak-kanak; serta gangguan dalam proses pembesaran kanak-kanak tersebut. Selain itu, *sharenting* turut dikaitkan dengan pelanggaran hak privasi kanak-kanak (Muhammad Azhar & Md Salleh, 2021) yang telah diperuntukkan di bawah perkara 16 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau *The United Nations Convention on The Rights of the Child* (UNCRC), lebih-lebih lagi apabila perkongsian gambar, video dan maklumat berkaitan dengan anak-anak oleh ibu bapa dibuat tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada anak-anak tersebut.

Seterusnya, Nottingham (2019) menyatakan bahawa aktiviti *sharenting* mendedahkan kanak-kanak kepada jenayah culik dan pemalsuan, penipuan atau kecurian identiti. Tidak cukup dengan itu, *sharenting* berpotensi membuka ruang kepada perbuatan buli, termasuk buli secara fizikal dan buli siber. CyberSecurity Malaysia

telah menyenaraikan perkongsian atau penyebaran maklumat peribadi ke dalam web tanpa kebenaran dan penyiaran gambar atau video dengan niat untuk memalukan sebagai buli siber (Ahmad Rizal et al., 2021).

Oleh hal yang demikian, artikel ini akan memfokuskan dua tunjang utama dalam mengawal atau meminimumkan impak negatif *sharenting* kepada kanak-kanak. Pertama, melalui peruntukan undang-undang, iaitu melakukan penelitian dan pengenalpastian terhadap undang-undang sedia ada yang melindungi kanak-kanak, khususnya di Malaysia. Kedua, mengenal pasti peranan agensi kerajaan dan NGO di Malaysia dalam menangani isu *sharenting* ini.

Peruntukan Undang-Undang

Pada dasarnya penggunaan media sosial amat sinonim dengan gaya hidup pada masa kini. Namun, aktiviti *sharenting* ini sebenarnya membangkitkan isu-isu sosial dan perundangan yang mengancam hak privasi, keselamatan emosi serta psikologi kanak-kanak sekiranya perbuatan tersebut dilakukan secara tidak terkawal (Md. Salleh & Noor, 2019). Oleh sebab itu, wujud satu keperluan untuk mengkaji sejauh mana undang-undang telah memperuntukkan perlindungan dan hak kepada kanak-kanak dalam mengawal aktiviti *sharenting* di Malaysia.

Sharenting dan Undang-Undang Sedia Ada di Malaysia

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau *The United Nations Convention on The Rights of the Child* (UNCRC) pada tahun 1995 dengan meletakkan beberapa garisan berkaitan dengan hak kanak-kanak yang perlu dipatuhi. Perkara 16 UNCRC memperuntukkan hak bagi perlindungan privasi yang bermaksud seorang kanak-kanak tidak boleh dikenakan sebarang gangguan terhadap privasinya dengan sewenang-wenangnya sama ada oleh ibu bapanya atau orang luar termasuklah melalui pendedahan maklumat di alam maya atau sebaliknya. Montague (1988) menyatakan bahawa hak privasi adalah termasuk maklumat peribadi seseorang yang secara tersiratnya, pemegang hak mempunyai kebebasan ke atas maklumat tersebut dan menjadi tanggungjawab kepada yang lain untuk tidak mengganggu, menceroboh dan merampasnya tanpa justifikasi.

Kanak-kanak bukanlah barangan yang boleh diperlakukan sesuka hati oleh ibu bapa dan haknya perlu dihormati serta dipelihara. Ibu bapa sebagai pertahanan utama bagi anak-anak perlu menyedari bahawa mereka menggalas satu tanggungjawab besar dalam memberikan perlindungan kepada anak masing-masing memandangkan keupayaan seorang kanak-kanak adalah sangat terbatas dari segi mental dan fizikal. Selain itu, UNCRC juga menggariskan hak bagi seseorang kanak-kanak dalam memberikan pendapat; pemeliharaan identiti; perlindungan undang-undang terhadap sebarang gangguan atau serangan; perlindungan terhadap eksploitasi seks dan lain-lain (UNICEF, t.t.).

Seterusnya, prinsip *the best interest of the child* yang telah diimplementasikan menerusi Perkara 3(1) UNCRC menyatakan bahawa semua perbuatan yang berkaitan atau melibatkan kanak-kanak sama ada dijalankan oleh institusi kebajikan masyarakat awam atau swasta; mahkamah undang-undang; pihak berkuasa pentadbiran atau badan kehakiman; *the best interest of the child* perlulah dijadikan perkara yang diutamakan (Hammarberg, 2008). Dalam kes *ZH (Tanzania (FC) v Secretary of State for the Home Department* [2011] UKSC 4, mahkamah juga memperuntukkan bahawa dalam membicarakan kes yang berkaitan dengan kesejahteraan kanak-kanak, konsep *the best interest of the child* ini hendaklah diberikan keutamaan.

Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) telah diperkenalkan bagi memperuntukkan undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak serta perkara lain yang berkait rapat dengan kanak-kanak. Akta ini mengakui bahawa kanak-kanak memerlukan perlindungan, pemeliharaan serta bantuan khas memandangkan mereka masih belum mencapai tahap kematangan dari segi fizikal, mental dan emosi. Seterusnya, akta ini juga mengiktiraf bahawa setiap kanak-kanak berhak untuk mendapatkan perlindungan serta bantuan dalam semua keadaan tanpa mengira perbezaan agama, bangsa, jantina, asal usul, kecacatan fizikal dan status lain.

Bahagian V Akta Kanak-Kanak 2001 memperuntukkan perkara tentang kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Menurut Seksyen 17 akta tersebut, seorang kanak-kanak dikatakan memerlukan pemeliharaan dan perlindungan

dalam beberapa kategori, antaranya ialah (a) sekiranya kanak-kanak tersebut telah atau berkemungkinan dicederakan sama ada dari segi fizikal atau emosi atau dilakukan penganiayaan seks oleh ibu bapa, penjaga atau anggota keluarga luasnya; dan (b) sekiranya diketahui oleh ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut bahawa mereka dicederakan seperti yang diperuntukkan dalam (a), namun telah gagal melindungi kanak-kanak tersebut. Apa-apa kecederaan emosi kanak-kanak seperti yang diperuntukkan dalam akta ini diukur dengan terdapatnya gangguan yang cukup besar dan jelas pada mental atau emosi kanak-kanak tersebut yang ditunjukkan melalui kecelaruan mental dan tingkah laku; keresahan; kemurungan; perkembangan terbantut; dan simptom lain. Seterusnya, memandangkan *sharenting* juga membuka peluang kepada jenayah pedofilia, akta ini juga telah memperuntukkan supaya kanak-kanak dilindungi daripada teraniaya dengan perlakuan tidak bermoral tersebut. Di bawah Seksyen 17(2)(c) akta tersebut menyatakan bahawa kanak-kanak yang teraniaya dari segi seks sama ada mereka terlibat dalam apa-apa bahan, fotograf, rakaman, filem atau pita video yang berunsur lucah, sumbang atau pornografi dikategorikan sebagai kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

Selanjutnya, sesiapa yang bertanggungjawab terhadap kanak-kanak yang berkenaan dan melakukan penganiayaan, pengabaian atau pendedahan termasuk dengan cara mendedahkan kanak-kanak itu kepada apa-apa cara yang berkemungkinan menyebabkan kecederaan fizikal atau emosi ataupun dengan pendedahan itu menyebabkan kanak-kanak tersebut dianiaya termasuk penganiayaan dari segi seks, dikatakan telah melakukan kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali. Walaupun Seksyen 31(1)(a) dan (b) ini tidak memperuntukkan pengaplikasian hukuman bagi kesalahan yang berpunca daripada kesalahan *sharenting* secara spesifik, frasa 'pendedahan' dalam seksyen tersebut boleh juga diinterpretasikan sebagai merangkumi pendedahan kanak-kanak secara dalam talian yang boleh turut meninggalkan kesan terhadap fizikal dan emosi kanak-kanak tersebut.

Pada masa yang sama, Seksyen 15(1) Akta Kanak-Kanak 2001 turut memperuntukkan bahawa dalam apa-apa tindakan atau perbicaraan mahkamah, apa-apa laporan media massa yang berkaitan atau bersangkutan dengan kanak-kanak termasuk maklumat mengenai nama, alamat, institusi pendidikan atau apa-apa maklumat yang

membolehkan seseorang kanak-kanak itu dikenal pasti adalah dilarang daripada didedahkan kepada umum. Seksyen 15(2) seterusnya melarang penyiaran gambar kanak-kanak yang terlibat dalam tindakan yang sama dalam apa-apa akhbar, majalah atau medium elektronik lain. Makna yang tersirat di sebalik peruntukan seksyen ini dapat diinterpretasikan sebagai bertujuan melindungi emosi kanak-kanak tersebut daripada terganggu dengan penyebaran maklumat peribadi mereka yang dikaitkan dengan perbuatan jenayah yang dilakukan oleh mereka. Selanjutnya, kandungan atau inti pati yang terkandung dalam Seksyen 15 ini juga dilihat sebagai sangat relevan untuk diaplikasikan dalam memperkenalkan satu seksyen khusus yang menegah ibu bapa daripada berkongsi maklumat peribadi kanak-kanak di media sosial dengan sedikit pengubahsuaian.

Peranan Agensi Kerajaan dan NGO

Peranan Agensi Kerajaan

Agensi kerajaan merupakan pihak berkepentingan yang paling hampir dengan masyarakat (Kayat & Mohd Nor, 2006). Apabila isu tentang hak, perlindungan dan kebajikan kanak-kanak di Malaysia dibangkitkan atau diperkatakan, agensi kerajaan yang lazimnya akan dikaitkan dengan permasalahan tersebut ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Namun, dalam isu *sharenting* yang membabitkan penggunaan atau aktiviti dalam talian ini, peranan agensi kerajaan lain di bawah kementerian seperti Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga perlu diketengahkan. Hal itu demikian kerana penglibatan lebih banyak pihak akan mendorong supaya isu ini diuruskan dengan cara yang optimum. Pada dasarnya, peranan agensi kerajaan termasuklah merangka program-program pembangunan bagi memenuhi keperluan negara dan rakyat selain berperanan untuk memberikan penerangan dan bantuan teknikal mengikut keperluan sesuatu permasalahan (Manaf & Abdullah, 2021).

Namun dalam konteks kajian ini, peranan agensi tersebut diteliti agar dapat disesuaikan dengan isu *sharenting* memandangkan setiap agensi mempunyai peranan dan fungsi yang berbeza-berbeza. Sebagai contoh, CyberSecurity Malaysia (CyberSecurity) yang ditubuhkan di bawah KKMM mempunyai Pasukan Respons Kecemasan Komputer Malaysia (MyCERT) yang berfungsi untuk menangani isu berkaitan

dengan keselamatan maklumat dan mengeluarkan statistik kejadian siber am di Malaysia. CyberSecurity telah mewujudkan pusat bantuan, Cyber999 yang beroperasi selama 24 jam sehari sebagai medium untuk orang awam membuat laporan tentang sebarang kejadian siber yang dihadapi. Selain itu, ia turut memperkenalkan kempen Kesedaran Keselamatan Siber untuk Semua Orang (CyberSAFE) bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat tentang keselamatan dalam talian melalui penganjuran kempen dan penyebaran brosur serta penulisan. Ketiga-tiga fungsi ini dilihat amat bertepatan dan diperlukan dalam menangani isu *sharenting*. Hal ini demikian kerana agensi ini bertanggungjawab memantau perkongsian maklumat dalam talian termasuk yang melibatkan kanak-kanak dan oleh sebab itu, agensi ini menjejak sebarang bentuk pelanggaran polisi serta mengehadkan perkongsian foto atau video kanak-kanak dan dilihat sebagai relevan dalam menangani isu ini. Seterusnya, inisiatif pewujudan Cyber999 dan CyberSAFE juga amat sesuai dalam usaha menyebarkan maklumat serta mendidik masyarakat tentang isu *sharenting*. Peranan agensi kerajaan terutamanya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) termasuklah menjadi wakil dalam penyampaian maklumat; mendidik serta sentiasa peka dengan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak (Iskandar Sastrawidjaja, 2020). Ia juga merangkumi usaha pemantauan dan pengurusan isu-isu berkaitan dengan kandungan dalam talian atau *online content* (Rosly, 2020).

Berdasarkan prosedur SKMM, apabila laporan atau aduan awam diterima oleh pihak SKMM misalnya, berkaitan dengan perkongsian dalam talian secara salah, siasatan akan dijalankan oleh pihak suruhanjaya ataupun melalui jalinan kerjasama dengan syarikat pembekal perkhidmatan bagi menangani isu tersebut. Kerjasama ini dilihat mampu untuk memadamkan atau menyekat perkongsian-perkongsian yang didapati menyalahi dasar privasi sesuatu aplikasi seperti Facebook dan YouTube (Rosly, 2020). Walau bagaimanapun, ibu bapa hendaklah sentiasa berwaspada ketika membuat sebarang perkongsian dalam talian yang berkaitan dengan anak-anak memandangkan paparan tersebut berkemungkinan besar akan kekal dalam dunia maya walaupun ia dikatakan telah dipadamkan oleh pihak berkuasa ataupun empunya perkongsian sendiri (Rosly, 2020). Keadaan itu boleh berlaku disebabkan oleh kecanggihan teknologi masa kini yang menyediakan pelbagai platform dan aplikasi penyimpanan dalam talian seperti Dropbox dan Google Drive yang

membenarkan penggunanya menyimpan pelbagai maklumat secara kekal selain berkongsi apa-apa material dengan lebih mudah dan pantas (Rosly, 2020).

Peranan SKMM sebagai sebuah agensi yang menerima pelbagai aduan berkaitan dengan komunikasi dan multimedia juga tidak terhad kepada penyelesaian berlandaskan undang-undang sedia ada semata-mata tetapi turut memikul tugas memberikan khidmat nasihat kepada orang ramai (Iskandar Sastrawidjaja, 2020). Hal ini demikian kerana kebanyakan pengadu berada dalam keadaan buntu dan memerlukan panduan serta cadangan bagi menyelesaikan isu yang dihadapi. Namun begitu, pengadu yang membuat laporan berkaitan dengan isu *sharenting* masih kurang. Sesi temu bual yang dijalankan mendedahkan bahawa bilangan aduan atau laporan yang diterima oleh SKMM khususnya di bawah Jabatan Media Baharu, membabitkan perkongsian maklumat atau gambar anak-anak oleh ibu bapa secara dalam talian masih lagi rendah (Rosly, 2020). Bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa perkongsian gambar anak-anak yang tidak sopan secara dalam talian masih acap kali dilihat. Sebagai contoh, terdapat ibu bapa yang berkongsi gambar anak-anak mereka dalam pakaian renang dan sebagainya, sedangkan perkongsian sebegini amat berpotensi besar untuk menarik perhatian golongan pedofilia (Rosly, 2020). Lazimnya, SKMM menerima laporan hanya apabila ibu bapa sudah mendapati bahawa gambar atau video anak-anak mereka telah pun disalahgunakan oleh pihak lain, terutamanya pelaku pedofilia. Misalnya, kes yang berlaku kepada pelawak dan pelakon, Harith Iskander yang mendapati gambar anaknya telah disalahgunakan dan disebarkan dalam laman portal lucah pada sekitar tahun 2015. Menurut laporan saluran stesen televisyen, Astro Awani, laman portal lucah tersebut telah memuat naik gambar yang diambil daripada akaun Facebook milik Harith sendiri (Kamalul Arifin, 2015).

Isu *sharenting* masih kurang meniti dari bibir ke bibir masyarakat mahupun dibangkitkan di Malaysia, agensi-agensi berkaitan perlu bertanggungjawab untuk menyediakan satu garis panduan yang jelas dalam mendepani permasalahan ini. Ada beberapa buah agensi yang telah bertindak secara proaktif mengeluarkan garis panduan dan pelan berkaitan dengan perkongsian dalam talian serta perlindungan kanak-kanak seperti Cybersecurity Malaysia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (Iskandar Sastrawidjaja, 2020). Apabila adanya garis panduan yang jelas terutamanya berkaitan

dengan isu *sharenting* ini, sekurang-kurangnya satu bentuk kesedaran dalam diri masyarakat dapat dibina supaya lebih peka tentang had perkongsian dalam talian yang selamat. Di samping itu, masyarakat juga diharapkan lebih peka dan mengetahui tentang pilihan saluran yang harus dituju apabila mereka perlu membuat laporan berkaitan dengan pelanggaran garis panduan perkongsian dalam talian yang selamat dan sebagainya. Pada masa yang sama, segala inisiatif yang telah digerakkan selama ini perlu ditambah baik atau dimantapkan lagi. Kementerian yang berkaitan misalnya, boleh juga menyediakan garis panduan yang jelas tentang peranan agensi-agensi di bawahnya seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), KKM, JKM dan lain-lain yang bertujuan bukan sahaja untuk melindungi kanak-kanak daripada bahaya kesan pendedahan dalam talian, tetapi juga bersama-sama meningkatkan kesedaran awam tentang isu ini. Syarikat pembekal perkhidmatan juga tidak ketinggalan daripada bertanggungjawab untuk membangunkan satu bentuk platform dalam talian yang selamat bagi kanak-kanak misalnya, mewujudkan kaedah tapisan atau *filtering* secara ketat dan tegas (Iskandar Sastrawidjaja, 2020). Cara sedemikian akan menyebabkan sebarang bentuk kandungan yang melibatkan kanak-kanak disemak dan ditapis terlebih dahulu sebelum dikongsikan atau dimuat naik ke dalam mana-mana platform dalam talian.

Selain itu, usaha meningkatkan kesedaran dalam diri masyarakat khususnya golongan ibu bapa tentang isu *sharenting* ini boleh dilaksanakan melalui penganjuran kempen, ceramah (Iskandar Sastrawidjaja, 2020), seminar, sesi konsultasi terbuka dan inisiatif lain yang melibatkan penyertaan kumpulan sasar sendiri. Di samping dapat menyampaikan maklumat dan memberikan kesedaran, ia juga membuka peluang kepada masyarakat untuk tampil berkongsi serta mengajukan kebimbangan, kerisauan dan permasalahan yang dihadapi. Tidak cukup dengan itu, penganjuran aktiviti sedemikian boleh melibatkan penyertaan daripada agensi lain sama ada sektor kerajaan mahupun swasta. Contohnya, penganjuran seminar berkaitan dengan ketagihan Internet (*Internet addiction*) oleh SKMM telah dilakukan secara kolaborasi dengan wakil Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan maklumat yang tepat disampaikan oleh mereka yang berkepakaran dan berkelayakan dalam isu yang dibincangkan (Iskandar Sastrawidjaja, 2020).

Sebagai tambahan kepada penganjuran aktiviti sedemikian, penyebaran maklumat, berita, perkembangan dan isu berkaitan

dengan *sharenting* juga boleh dibuat secara besar-besaran dengan memanfaatkan saluran media Jabatan Penerangan Malaysia di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Antara fungsi jabatan ini termasuklah membangunkan kandungan digital canggih tentang dasar negara melalui platform media sosial; peka terhadap isu-isu semasa dalam usaha meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat; di samping memperluas jaringan hubungan komunikasi (Jabatan Penerangan Malaysia, 2022). Jabatan ini juga merupakan jabatan kerajaan yang bertanggungjawab menerbitkan buku-buku seperti buku rasmi tahunan, majalah, poster dan risalah yang mengandungi dasar-dasar negara yang terkini. Seterusnya, inisiatif oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang telah memanfaatkan aplikasi Telegram bagi menyebarkan maklumat sahih berkaitan dengan kes COVID-19 di negara kita (Abdul Hamid, 2020) juga boleh diimplementasikan dalam usaha menyampaikan maklumat dan meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya ibu bapa tentang isu *sharenting*. Cara sedemikian akan menjadikan penyebaran maklumat berkenaan dengan *sharenting* lebih mudah dan efisien. Sebagai contoh, bersesuaian dengan fungsi penubuhannya, Jabatan Penerangan Malaysia boleh menerbitkan infografik, iklan bersiri, iklan pesanan khidmat awam dan sebagainya yang berkaitan dengan isu berkenaan untuk disebarkan.

Kanak-kanak ialah golongan yang mudah terdedah kepada pelbagai risiko yang mengancam keselamatan mereka. Cabaran ini memerlukan setiap pihak yang bertanggungjawab sentiasa bersedia dengan strategi yang mantap agar risiko-risiko tersebut tidak menjadi sesuatu yang berbahaya atau mencederakan kanak-kanak (Iskandar Sastrawidjaja, 2020). Oleh itu, salah satu cara lain untuk melindungi kanak-kanak ini adalah dengan membina ketahanan atau daya tahan dalam diri mereka sendiri supaya sentiasa peka dengan ancaman dalam talian di sekeliling mereka serta bersiap siaga dengan informasi tentang saluran yang betul bagi mendapatkan bantuan sekiranya berdepan dengan ancaman tersebut dan sebagainya (Iskandar Sastrawidjaja, 2020).

Peranan NGO

Seterusnya, kewujudan dan penubuhan NGO di Malaysia yang memperjuangkan hak serta nasib kanak-kanak seperti Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) Malaysia,

Protect and Save the Children (PSC), Vanguard ForChange (V4C) dan lain-lain perlu dimanfaatkan. Pertubuhan-pertubuhan ini perlu dilibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menjadi sebahagian daripada penggerak bagi setiap cadangan atau perancangan kerajaan yang bersangkutan dengan isu ini. Hal itu demikian kerana setiap NGO yang ditubuhkan mempunyai fungsi yang jelas dan berbeza-beza (Iskandar Sastrawidjaja, 2020).

Pihak NGO juga sebenarnya memainkan peranan penting dalam isu *sharenting* kerana mereka memiliki kelebihan dan peluang berinteraksi serta mempunyai akses secara langsung dengan mangsa atau dalam isu ini, kanak-kanak itu sendiri (Iskandar Sastrawidjaja, 2020). Kelebihan ini dilihat sebagai pelengkap dalam suatu kerjasama antara pihak NGO dengan agensi lain. Sebagai contoh, akhbar Berita Harian Online bertarikh 23 Februari 2021 melaporkan tentang kerjasama antara UNICEF dengan Kementerian Pendidikan dalam isu pendidikan bagi kanak-kanak terpinggir. Laporan tersebut menyebut bahawa wakil UNICEF menyatakan kesediaan mereka untuk terus menyokong kerajaan melalui khidmat nasihat teknikal dan penyelesaian bersama demi masa depan kanak-kanak di Malaysia (Bernama, 2021).

Seterusnya, setiap ahli di bawah mana-mana gerakan NGO hendaklah sentiasa peka terhadap penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang memperuntukkan perlindungan kepada kanak-kanak terutamanya di Malaysia (Chin, 2021). Misalnya di PSC, ahli-ahlinya didedahkan dengan pengetahuan undang-undang dan polisi berkaitan dengan kanak-kanak melalui sesi latihan yang diadakan. Tidak cukup dengan itu, PSC juga menyediakan perkhidmatan bagi memberikan pendedahan dan perkongsian kepada mana-mana organisasi yang menghendaki kakitangannya mempunyai pengetahuan tentang undang-undang dan polisi-polisi yang melindungi kanak-kanak (Chin, 2021). Oleh yang demikian, perkara ini membuktikan bahawa peranan NGO tidak terhad kepada usaha meningkatkan kesedaran awam melalui kempen semata-mata tetapi juga menerusi penyediaan khidmat latihan untuk berkongsi pengetahuan bersama-sama dengan organisasi lain.

Secara amalannya di Malaysia, apabila terdapat isu atau permasalahan yang memerlukan perhatian dan tindakan segera dalam bentuk penggubalan undang-undang baharu mahupun pindaan, pihak

NGO juga merupakan pihak berkepentingan yang terlibat dalam perundingan membuat undang-undang tersebut. Berdasarkan keterlibatan mereka dalam perkara tersebut, maka pihak NGO boleh berperanan untuk mengetengahkan dan meyakinkan pihak berwajib tentang keperluan penggubalan undang-undang berkaitan dengan *sharenting* memandangkan masih tiada peruntukan undang-undang di Malaysia yang khusus berkaitan dengan isu *sharenting* ini (Md. Salleh & Noor, 2019). Pihak NGO antara lain boleh membentangkan dan membincangkan kesan serta kemungkinan yang bakal berlaku sekiranya tiada undang-undang tegas diperuntukkan untuk mengawalnya (Chin, 2021). Sebagai tambahan, pihak NGO juga boleh mengeluarkan statistik (Chin, 2021) berdasarkan kes-kes atau laporan-laporan yang diterima berkaitan dengan isu ini sebagai rujukan untuk semua pihak termasuk kerajaan, agensi berkaitan dan masyarakat.

Cadangan Pengawalan *Sharenting*

Dalam isu *sharenting* ini, panduan kepada ibu bapa khususnya, sama ada dalam bentuk garis panduan bertulis, kempen-kempen kesedaran, penyebaran maklumat melalui media massa dan metode lain adalah amat diperlukan dan dilihat sebagai satu bentuk had atau batasan dalam *sharenting*. Permanasari dan Sirait (2021) telah mengklasifikasikan langkah yang perlu diambil dalam menangani isu ini kepada tiga bahagian. Langkah pertama ialah melalui penguatkuasaan undang-undang contohnya, dengan menitikberatkan komunikasi keibubapaan (*parenting communication*). Langkah kedua ialah penyediaan garis panduan yang jelas kepada ibu bapa tentang perkara yang dibenarkan dan tidak dibenarkan untuk dikongsikan di media sosial. Antaranya, melarang mereka daripada memuat naik gambar atau video yang melanggar privasi anak-anak. Misalnya, gambar dan video anak-anak sedang menangis, mandi atau keadaan-keadaan yang boleh memalukan anak-anak. Langkah yang ketiga pula ialah penyediaan mekanisme pemulihan seperti program rehabilitasi atau rekonsiliasi kepada kanak-kanak yang terkesan dengan perbuatan *sharenting* ibu bapa sama ada dari segi emosi atau mental (Permanasari & Sirait, 2021).

Seterusnya, mengehadkan audiens di media sosial juga dilihat sebagai salah satu cara dalam pengawalan aktiviti *sharenting* oleh ibu bapa. Ia dapat dilakukan dengan menukar tetapan media sosial kepada

mod peribadi (*private*) bagi mengawal capaian dan penyalahgunaan terhadap foto serta video oleh orang yang tidak dikenali. Autenrieth (2018) membincangkan tiga kebimbangan ibu bapa yang berkongsi atau memuat naik gambar, maklumat dan video anak-anak mereka secara dalam talian. Ibu bapa ini bimbang sekiranya perkongsian yang melibatkan anak-anak mereka disalahgunakan oleh orang asing atau situasi yang dikenali sebagai *stranger danger* yang berkait rapat dengan perlakuan pedofilia. Penyalahgunaan ini juga berkemungkinan dilakukan bagi tujuan komersial misalnya, oleh *Facebook* dalam pengiklanan mereka (Autenrieth, 2018). Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa pendekatan yang relevan bagi ibu bapa dalam mendepani risiko *sharenting* termasuk berusaha mengurangkan perkongsian berkaitan dengan maklumat anak-anak yang dibuat dalam talian; mengehadkan audiens atau pengikut dalam media sosial; di samping mengadaptasi budaya *sharenting* (Autenrieth, 2018). Perkongsian gambar, video dan maklumat kanak-kanak juga boleh dilakukan dengan menggunakan nama samaran selain menutup atau mengaburkan bahagian wajah kanak-kanak dalam foto atau video yang dikongsikan agar identiti mereka tidak didedahkan sekali gus memelihara hak privasi mereka.

Selain itu, pengetahuan dan kesedaran tentang *sharenting* ini juga sebenarnya boleh dipupuk, diterapkan dan diwujudkan ketika bakal ibu bapa mengikuti kursus perkahwinan (Dusuki, 2020). Bakal ibu bapa boleh didedahkan dengan ilmu asas keibubapaan seperti menghormati hak anak sebagai seorang insan melalui kursus tersebut (Dusuki, 2020). Melalui pendedahan awal yang disertakan dengan contoh-contoh kesan buruk *sharenting* yang telah berlaku, pendedahan ini diharapkan dapat menjadi pedoman dan panduan kepada bakal ibu bapa tersebut agar tidak melakukan perbuatan berkenaan secara berlebihan apabila dikurniakan anak kelak.

Seterusnya, media massa juga dilihat sebagai salah satu bentuk platform penting bagi menyebarkan maklumat berkaitan dengan *sharenting* kerana medium tersebut berupaya menjangkau penonton atau pembaca dalam skala yang besar (Habibie, 2018). Media massa terdiri daripada media cetak yang melibatkan bahan fizikal seperti akhbar, risalah dan buku (Hashim & Razali, 2019) dan media elektronik yang merangkumi peralatan elektronik moden seperti radio serta televisyen. Habibie (2018) menyenaraikan tiga fungsi media massa untuk masyarakat iaitu pertama, mewujudkan kepekaan terhadap isu-isu di sekeliling

dan seterusnya menyampaikan maklumat atau berita yang diperoleh secara meluas kepada masyarakat. Kedua, untuk melakukan penilaian, pemilihan dan interpretasi maklumat atau berita sebelum disiarkan kepada umum dan ketiga adalah sebagai sarana penyampaian nilai serta warisan sosial budaya. Oleh itu, penglibatan media massa dalam mewujudkan masyarakat yang cakna tentang isu *sharenting* adalah perlu dan relevan. Sebagai contoh, media massa boleh menyiarkan iklan atau menerbitkan penulisan yang menggambarkan kesan buruk perkongsian gambar atau video anak-anak yang tidak ditapis ke media sosial; berkongsi langkah-langkah atau tip perkongsian dalam talian secara selamat dengan kerap; dan menyelitkan hak kanak-kanak yang perlu dihormati oleh ibu bapa serta orang dewasa sebagai satu bentuk peringatan kepada penonton dan pembaca. Selain itu, dalam mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang *sharenting*, media massa juga hendaklah menunjukkan contoh atau teladan yang baik dengan tidak menyiarkan iklan atau media yang memaparkan kanak-kanak tanpa sebarang tapisan. Misalnya, media massa wajar mengaburkan wajah kanak-kanak sebelum menyiarkannya kepada umum dan tindakan lain yang relevan.

Imam al-Ghazali menghuraikan bahawa Allah SWT menciptakan kanak-kanak dengan fitrah yang menerima kebaikan dan keburukan melalui apa yang ditonjolkan oleh ibu bapa mereka. Oleh itu, ibu bapalah yang memainkan peranan yang sangat besar dalam mendorong anak-anak sama ada untuk cenderung kepada kebaikan atau keburukan. Dalam hal ini, terletaknya kelebihan manusia sebagai makhluk Tuhan yang mempunyai keupayaan memilih menerusi kemampuan akal yang dikurniakan. Berdasarkan kenyataan al-Ghazali, fitrah dianggap sebagai satu perkara yang dibekalkan sejak manusia dilahirkan (Zainuddin, 1991).

Akhir sekali, hak kanak-kanak berhak dilindungi seperti mana hak orang dewasa. Budaya *sharenting* yang semakin berleluasa pada masa kini ternyata agak membimbangkan kerana sesetengah daripada perkongsian tersebut telah menjangkau dan mencerobohi hak privasi atau peribadi seseorang kanak-kanak tersebut. Tindakan berkongsi dalam bentuk video atau gambar berkemungkinan mendedahkan kanak-kanak kepada ancaman anasir luar. Peningkatan budaya *sharenting* dalam kalangan ibu bapa juga telah menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah pedofilia yang semakin membimbangkan pada hari ini.

KESIMPULAN

Penulisan ini menegaskan bahawa meskipun perbuatan *sharenting* ini dilihat sebagai kaedah perkongsian yang cepat dan mudah serta lebih luas penyebarannya, kesan buruk daripada tindakan ini tetap perlu dikawal. Walau bagaimanapun, kewujudan mekanisme kawalan seperti undang-undang harus seimbang bagi memberikan hak ibu bapa terhadap anak-anak di samping hak bersuara atau ekspresi diri ibu bapa tanpa mengetepikan hak anak-anak seperti hak privasi dan hak bersuara anak-anak. Keutamaan perlulah diberikan terhadap hak anak-anak selaras dengan prinsip kebajikan anak-anak yang menjadi tunjang kepada undang-undang perlindungan kanak-kanak. Usaha dan kerjasama pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pihak NGO dan juga media massa penting kerana setiap pihak mempunyai peranan masing-masing dalam mengawal dan menangani isu *sharenting*.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MoHE) melalui *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS/1/2019/SSI10/UUM/02/11).

RUJUKAN

Abdul Hamid, N. (2020). Pandemik COVID-19 dan kebergantungan kepada media. https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1851891

Ahmad Razali, N., Ismail Nawang, N., Syed Nong Mohamad, S. N. A., & Abdul Ghani, F. (2021). Buli siber di kalangan kanak-kanak di Malaysia: Satu tinjauan undang-undang. *Jurnal Dunia Pengurusan*, *3*(1), 23-29. http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg

Ahmad, N.., Krishnan@Jayabalan, S. J., Nik Mat, A. W., & Wahab, S. (2023). The fundamental rights of children deprived of liberty indetention centres in Malaysia during the Covid-19 Pandemic: A qualitative study. *UUM Journal of Legal Studies*, *14*(1), 237–267. https://doi.org/10.32890/uumjls2023.14.1.10

Amir Hamzah, A. N. D., Mohd Hussein, S. (2020). *Kesan sharenting kepada kanak-kanak dan implikasinya terhadap hak privasi kanak-kanak di Malaysia*. Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 28.

Anderson, J. (2019, Disember 18). *Harvard EdCast: The pitfalls of online oversharing*. Harvard Graduate School of Education: https://www.gse.harvard.edu/news/19/12/harvard-edcast-pitfallsonline-oversharing

Autenrieth, U. (2018). *Family photography in a networked age: Anti-sharenting as a reaction to risk assessment and behaviour adaption*.

Bernama. (2021). Kerjasama UNICEF, Kementerian Pendidikan Lihat Semula Sistem Pendidikan. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/789420/kerjasama-unicef-kementerian-pendidikan-lihat-semula-sistem.

Bernama. (2021). Penggunaan teknologi meningkat ketika Pandemik COVID-19 – LPPKN. *Astro AWANI*. https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penggunaan-teknologi-digital-meningkat-ketika-pandemik-covid19-lppkn-298134

Blue, J., Condell, J., & Lunney, T. (2018). Digital footprints: your unique identity. Paper presented at the BCS, The Chartered Institute for IT (ACM Proceedings) 32nd Human Computer Interaction Conference.

Britto, B. (2017). 'DaddyOFive' YouTubers sentenced to five years probation for child neglect. *The Baltimore Sun*. https://www.baltimoresun.com/features/baltimore-insider/bs-fe-daddyofive-couple-sentencing-20170911-story.html

Brosch, A. (2016). When the child is born into the internet: Sharenting as a growing trend among parents on Facebook. *ResearchGate*, 225-235.

Cambridge Dictionary. (2023). *Vlog, Cambridge English Dictionary*. Cambridge University Press & Assessment 2023.https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/vlog

ETX Studio. (2020). There are more than 4 billion social media users worldwide. *New Straits Times*.

Habibie, D. K. (2018). Dwi fungsi media massa. Interaksi. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, *7*(2), 79-86.

Hammarberg, T. (2008). The principle of the best interests of the child: What it means and what it demands from adults. In Proceedings of the Building a Europe for and with children–Towards a Strategy for 2009-2011 conference.

Hashim, N., & Razali, A. (2019). Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibu bapa dan anak-anak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, *35*(4).

Jabatan Penerangan Malaysia. (2022). *Fungsi*. https://www.penerangan.gov.my/japenv2/index.php/fungsi/

Kamalul Arifin, S. H. (2015). Foto anak di laman lucah, Harith Iskander mahu pihak bertanggungjawab dikesan. *Astro Awani*. https://www.astroawani.com/berita-hiburan/foto-anak-di-laman-lucah-harith-iskander-mahu-pihak-bertanggungjawab-dikesan-63646 diakses pada 1 November 2022.

Kayat, K., & Mohd Nor, N. A. (2006). Penglibatan Ahli Komuniti dalam program pembangunan komuniti: Satu kajian ke atas program Homestay di Kedah. *Akademika*, *67*(1), 77-100.

Latipah, E., Kistoro, H. C. A., Hasanah, F. F., & Putranta, H. (2020). Elaborating motive and psychological impact of sharenting in millennial parents. *Universal Journal of Educational Research*, *8*(10).

Leckart, S. (2012). The Facebook-Free Baby. *The wall Street Journal*. https://www.wsj.com/articles/SB 10014240527023044511045773392041180138910

Manaf, N. A., & Abdullah, R. (2021). Peranan agensi dalam pelaksanaan program pembangunan sosial: Kajian kes komuniti Orang Asli Perkampungan Sungai Berua, Hulu Terengganu. *Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Raja Haji*, *2*(2), 432-444. http://journal.stisipolrajahaji.ac.id/index. php/jisipol/article/view/45/36

Md. Salleh, A. S., & Mohd. Noor, N. A. (2019). *Sharenting*: Implikasinya dari perspektif perundangan Malaysia. *KANUN: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, *31*(1), 2, 121-156.

Misrani, S. Z., (2021). 721 kes jenayah terhadap kanak-kanak direkodkan. Kosmo. https://www.kosmo .com.my/2020/08/18/1721-kes-jenayah-kanak-kanak-direkodkan/ diakses pada 1 November 2022.

Mohd Ali, A. J., (2022). Kesalahan seksual kanak-kanak naik mendadak. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/01/911460/kesalahan-seksual-kanak-kanak-naik-mendadak diakses pada 1 November 2022.

Montague, P. (1988). Child's right to privacy. *Public Affairs Quarterly,* 2(1) Januari, 17-32. Diakses daripada http://www.jstor.org/stable/40435666

Muhammad Musthafa Al-Maraghi. (1974). *Tafsir Al-Maraghi.* Dar Fiqh: Beirut, 705-706.

Muhammad Said, S.(2012). Pemelarian anak oleh ibu atau bapa merentasi sempadan [2012] 1 MLJ xxxix. PhD Dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mustaffa, C. S., & Ibrahim, N. Z. M. (2014). Persepsi dan penggunaan media sosial dari perspektif ibu bapa: Satu analisis kualitatif. *Jurnal Komunikasi*, *30*, 43-74.

Nawawi, M. H. (2021). Kes pedofilia bertambah. Harian Metro. https://www.hmetro.com.my /utama/2021/02/670457/kes-pedofilia-bertambah diakses pada 1 November 2022.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2015). BAYAN LINNAS SIRI KE-30: ANAK..... IHSANILAH. https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artik el-soal-jawab/1810-anak-ihsanilah. Diakses pada Disember 12, 2021.

Permanasari, A., & Sirait, Y. H. (2021). Perlindungan hak privasi anak atas pelanggaran *sharenting* oleh orang tua di Indonesia. *Jurnal Komunikasi Hukum, 7*(2), 1024-1040.

Shahbudin, M. S. I. (2020). Kepanikan pengguna media sosial terhadap virus COVID-19. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, *11*, 1-10.

Talukdar, N. (2020). The adverse effects of family vlogging on hildren. *International Journal of Research and Analytical Reviews*, 749-756. http://www.ijrar.org/papers/IJRAR 2001526.pdf diakses pada 1 November 2022.

Temu bual bersama Dr. Farah Nini Binti Dusuki, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, temu bual atas talian pada 26 Oktober 2020.

Temu bual bersama Puan Angeline Yap Wei Chin, Pengurus Bahagian Projek dan Operasi, Protect and Save The Children, temu bual atas talian pada 12 Januari 2021.

Temu bual bersama Puan Eneng Faridah Iskandar Sastrawidjaja, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pengguna & Industri, SKMM, temu bual atas talian pada 3 November 2020.

Temu bual bersamaan Encik Muhammad Amirul Hafiz Rosly, Ketua Jabatan Media Baharu, SKMM, temu bual atas talian, 3 November 2020.

UNICEF. (2021). *Rethinking screen-time in the time of COVID-19*. https://www.unicef.org/globalinsight/stories/rethinking-screen-time-time-covid-19

UNICEF. (2021). *The United Nations Convention on the Rights of the Child: The children's version*. https://www.unicef.org/media/60981/file/convention-rights-child-text-child-friendly-version.pdf

Zainuddin. (1991). *Selok belok pendidikan al-Ghazali*. Jakarta: Bumi Aksara.